

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Kertas Kerja:

## **BERSEPADU MEMPERKASA MANDIRI BANGSA: PERSPEKTIF ISLAM**

Oleh:

Pg. Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pg. Haji Abd. Rahman

### **1. MUQADDIMAH**

Tema Hari Kebangsaan bagi negara kita kali yang ke-21 pada tahun 2005 ini iaitu **Bersepadu Memperkasa Mandiri Bangsa** akan dilihat dari berbagai perspektif. Tugas saya di sini ialah untuk melihatnya dari perspektif Islam misalnya sejauh mana tema ini mempunyai kaitan dengan Islam dan apakah matlamat tertinggi dari kerja-kerja memparkasa mandiri bangsa menurut pandangan Islam. Sebelum memberikan huraian lanjut mengenai tema ini, eloklah lebih dahulu dilihat dan diteliti makna setiap perkataan dalam ungkapan tema tersebut dengan merujuk *Kamus Dewan*, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984.

### **2. DEFINISI**

**“Bersepadu”** – dari akar kata *padu* maknanya ialah : (i) mampat, padat, pejal, tumpat. (ii) telah bergaul (bercampur, bergabung) dan menjadi benar, sebat. (iii) kukuh (teguh, utuh) dan kuat.

**“Memperkasa”** – dari akar kata *perkasa* maknanya ialah : (i) gagah berani. (ii) berkuasa, hebat, kuat.

**“Mandiri”** – maknanya ialah berdiri sendiri.

**“Bangsa”** - antara lain maknanya ialah kumpulan manusia dalam satu ikatan ketatanegaraan.

Berdasarkan definisi di atas jelas bahawa tema ini mengajak seluruh warga negara Brunei Darussalam bersatu padu pada memperkuat atau

memperkasa bangsa supaya dapat menjadi suatu bangsa dan suatu negara yang mampu berdiri atas kakinya sendiri dalam segala lapangan kehidupan.

### 3. ASAS ISLAM

Jika dilihat sepintas lalu tema ini seolah-olah tidak mempunyai kaitan dengan Islam. Tetapi setelah direnungi dengan mendalam sebenarnya ia mempunyai asas-asas Islam yang kuat. Misalnya “*Bersepadu*” yang antara lain bermakna menggabungkan tenaga supaya menjadi padu dan kukuh adalah merupakan anjuran Islam agar umat Islam berkerjasama dan bertolong-bantu dalam melaksanakan apa jua rancangan yang berkebijakan dan tidak maksiat sebagaimana firman Allah Taala :

وتعاونوا على البر والتقوى ولا تعاونوا على الإثم والعدوان

Maksudnya: *Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebijakan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerubuhan. (Surah Al-Maedah, ayat 2).*

“*Memperkasa*” yang antara lain maknanya memperhebat, memperkuat dan supaya kelihatan gagah adalah juga merupakan saranan Islam agar umat Islam memperlengkapkan diri baik dari segi mental mahu pun fizikal bagi menggerunkan pihak musuh, dan dapat bertahan atau mempertahankan tanah air dari serangan-serangan musuh, sebagaimana firman Allah Taala :

وأعدوا لهم ما استطعتم من قوة ومن رباط الخيل ترهبون به عدو الله  
 وعدوكم وآخرين من دونهم لا تعلمونهم الله يعلمهم وما تتفقوا من شئ في  
 سبيل الله يوسف إليكم وأنتم لا تظلمون

Maksudnya: *Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang mencerubuh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan, dan dari pasukan-pasukan yang berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu, musuh-musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain daripada mereka yang kamu tidak mengetahuinya, sedang Allah mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan akan disempurnakan balasannya kepada kamu dan kamu tidak akan diinaya. (Surah al-Anfal, Ayat 60).*

“Mandiri” yang bermakna berdiri atas kaki sendiri memang dianjurkan oleh Islam agar umatnya tidak bergantung kepada belas ehsan orang lain, sebaliknya berkeupayaan untuk menyara diri sendiri dan membangun mengikut kemahuan dan garis panduan dalam agama kita. Daripada Al-Miqdam bin Ma’di Yakrib (RadhiAllahu ‘Anhu), Rasulullah sallallahu alaihi wasallam bersabda:

ما أكل أحد طعاماً قط خير من أن يأكل من عمل يده، وأن نبي الله داود عليه السلام كان يأكل من عمل يده

Maksudnya: *Tiadalah seorang itu memakan makanan lebih baik daripada makanan atas hasil usahanya sendiri. Dan sesungguhnya Nabi Allah Daud Alaihis-Salam memakan makanan dari hasil usahanya sendiri. (Hadith Riwayat Bukhari).*

Salah satu perkataan dalam ungkapan ini ialah “*bangsa*”. Ini boleh difahamkan dari dua sudut iaitu “*bangsa*” bermaksud “*umat Islam*”, maka Allah Taala telah menunjuk bahawa umat Islam itu adalah umat yang terbaik yang diwujudkan oleh Allah Taala di muka bumi ini. Mengapa ia menjadi yang terbaik?. Allah Taala menjelaskan:

كنتم خير امة اخرجت للناس تأمرن بالمعروف وتنهون عن المنكر  
وتوئمنون بالله

Maksudnya: *Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang dari segala perkara yang salah (buruk dan keji) serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). (Surah Ali-Imran, Ayat 110).*

Satu sudut lagi, sesuai dengan kontek negara kita maka yang dimaksudkan “*bangsa*” itu ialah “*Bangsa Brunei*”. Bangsa Brunei itu ialah bangsa Melayu yang terdiri dari tujuh puak iaitu: Melayu Brunei, Dusun, Murut, Tutong, Belait, Kedayan dan Bisaya. Maka secara amnya bangsa Brunei itu adalah didominasi oleh orang-orang yang beragama Islam.

#### 4. ASET PENTING

Jelas bahawa tema yang kita perbincangkan ini mempunyai asas-asas Islam yang kuat, bertepatan dengan kedudukan dan situasi Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Islam. Soalnya negara kita kecil saiznya, dan kecil juga bilangan penduduknya, sedangkan kita perlu “survive” di tengah-tengah masyarakat serantau Nusantara malah di tengah-tengah masyarakat global antarabangsa. Dengan keadaan sedemikian, apakah kita boleh “survive”? apakah kita boleh bersaing? apakah kita boleh menjawab cabaran-cabaran semasa?. Islam memandang: Boleh, kerana besar atau kecil saiz bukanlah ukuran, banyak atau sedikit bilangan penduduknya bukannya ukuran. Apa yang menjadi ukuran ialah kualiti dalaman sesuatu bangsa itu sendiri yang antaranya ialah ilmu, akhlak, keberanian, takwa, tawakkal, dan lain-lain lagi. Bukti: Al-Quraan menerangkan betapa banyak bilangan umat yang kecil bilangannya berjaya mengalahkan umat yang besar bilangannya. Dan sejarah telah menceritakan bahawa umat Islam yang kecil bilangannya dalam Perang Badar boleh mengalahkan golongan kaum musyrikin yang besar bilangannya dan tentunya lebih canggih peralatan perangnya mengikut ukuran pada masa itu.

Dalam pada itu, saya berpendapat bedasarkan pandangan Islam juga adalah boleh ya’ni bangsa Brunei boleh “survive” kerana kita mempunyai dua aset penting iaitu: Pertama, *jati diri*. Dan keduanya, *hasil bumi*. Tanpa kedua-dua aset ini, maka sukar bagi kita untuk “survive” dalam dunia yang penuh cabaran hari ini. Dengan kornia Allah Yang Maha Agong dan Yang Maha Pemurah itu kita patut bersyukur (berterima kasih) sebanyak-banyaknya kepada Allah kerana tanpa hasil bumi tersebut pada hari ini kita akan menjadi bangsa yang melarat dan miskin seperti kemiskinan yang pernah dialami oleh datuk nenek kita lebih setengah abad yang lalu. Tetapi rupa-rupanya berkat kita memegang agama, Allah telah menyimpankan di bumi kita ini suatu khazanah yang kira-kira cukup untuk melepaskan kita dari kemiskinan tersebut. Sesiapa yang tidak menyedari hakikat ini dan tidak bersyukur, itulah orang yang kufur akan ne’mat Allah. Allah Taala telah berjanji bahawa jika kita bersyukur yang bermakna *mentaati titah perintahnya dan menjauhi larangannya*, bukan hanya di mulut tetapi juga dalam praktikal amalannya, maka Allah akan menambahkan lagi rezekinya, tetapi jika kita engkar, lalai dan membenarkan maksiat bermaharajalela, maka jangan dikesali jika Allah menarik balik ne’mat tersebut bahkan menimpa pula azab dan kesangsaraan, firman Allah:

## لَنْ شَكِرْتُمْ لِأَزِيْدِنَّكُمْ وَلَنْ كَفَرْتُمْ إِنْ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

Maksudnya: *Jika kamu bersyukur, nescaya akan aku tambahi lagi ne'matku kepada kamu, dan demi sesungguhnya jika kamu kufur engkar maka sesungguhnya azabku amatlah keras. (Surah Ibrahim, Ayat 7).*

Aset yang satu lagi iaitu *Jati Diri*. Kalau kita kehilangan jati diri maka maknanya kita akan kehilangan identiti. Masyarakat serantau Nusantara dan antara bangsa akan tidak lagi mengenal siapa kita kerana sudah tidak lagi mempunyai identiti. Maka identiti itu ialah jati diri. Jati diri ialah falsafah yang telah tumbuh, membesar dan berkembang dengan sendirinya dalam masyarakat kita. Ia bukan hasil pemikiran ahli falsafah, tetapi hasil dari penghayatan kita terhadap Islam. Sebelum negara kita menerima Islam iaitu sebelum lima kurun yang lalu, falsafah ini tidak hidup dan tidak berkembang. Hanya setelah raja kita memeluk Islam dan diikuti oleh para pembesar dan rakyat negara ini dalam kurun yang ke-14 Masihi maka falsafah ini hidup dan berkembang. Pada masa itu ia tidak dikenali sebagai falsafah. Hanya di akhir-akhir ini kita menamakannya falsafah. Yang menghidupkan falsafah ini ialah Islam dan Islam itulah yang menjadi teras kepada falsafah sekaligus menjadi teras jati diri kita yang dikenali sebagai Melayu Islam Beraja. Di antara ciri-ciri jati diri kita itu ialah: (i) kita masyarakat majoriti penduduk Brunei yang beragama Islam dan menghayati sepenuhnya ajaran Islam itu. (ii) kita masyarakat majoriti Brunei yang berbangsa Melayu dan menghayati sepenuhnya ciri-ciri kemelayuan dan kebruneian. (iii) kita warga negara Brunei yang bernaong di bawah panji-panji Kesultanan Brunei adalah taat setia kepada raja kita yang tidak berbelah bahagi.

Maka sebagai bangsa yang mempunyai jati diri kita harus mempunyai rasa bangga terhadap jati diri itu. Masyarakat Nusantara dan antara bangsa memandang istimewa kepada kita adalah kerana adanya falsafah yang kita hayati dengan baik ini. Kalau ketiga-tiga faktor ini menjadi cair, luntur atau hilang maka tidak sesiapa lagi yang akan mengenali diri kita kerana hilang identiti sekaligus hilang jati diri. Jadi ini adalah tugas kita bersama untuk memperkasa falsafah bangsa yang terasnya ialah Islam dan Islam itu membawa kemuliaan dan kehormatan kepada bangsa kita.

## 5. ISLAM TULIN

Mungkin ada orang akan bertanya: Apakah kita tidak boleh hidup tanpa jati diri?. Tidak perlu menitikberatkan soal halal-haram? Soal sah-batal? Soal *ma'ruf* dan *munkar*. Banyak masyarakat lain mengaku beragama Islam, walaupun Islamnya longgar, namun mereka tetap hidup dan maju? Kepada persoalan seperti ini kita ingin menjelaskan: Tepuk dada tanyalah iman. Apakah kita mahu menjadi muslim yang hakiki atau muslim yang palsu?. Muslim yang hakiki itu ialah muslim yang mempunyai kualiti tinggi sedangkan muslim yang palsu atau tiruan itu kualitinya rendah. Apakah kita tidak merasa bangga menjadi muslim yang berkualiti tinggi? Yang dalam kualiti tinggi itu antaranya ialah *tawadhu'*, *insaf*, *khusyu'* dan *takwa*. Sebutir kaca dan sebutir berlian, pada zahirnya seakan-akan sama, tetapi pada hakikatnya nilai antara kedua-duanya jauh berbeza. Kalau kita disuruh memilih, adakah kita akan memilih sebutir kaca?. Setiap orang yang berakal waras tentulah akan memilih berlian dan menolak kaca. Demikian juga penghayatan Islam secara *tulin* dan *bukan tulin*. Kita di Brunei Darussalam ini sejak awal lagi telah menerima asas-asas ajaran Islam yang murni dan tulin. Kita tidak lagi mempunyai keraguan terhadap kebenaran dua sumber yang teragong iaitu *Al-Quraan* dan *al-Sunnah*. Junjungan kita telah menegaskan bahawa sesiapa jua yang berpegang kepada kedua-duanya tidak akan sesat untuk selama-lamanya. Sabda baginda:

تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرِيْنِ إِنْ تَمْسِكُمْ بِهِمَا لَنْ تَضْلُّوْا بَعْدَ ابْدَأْ كِتَابَ اللَّهِ وَسُنْنَةَ رَسُولِهِ

Maksudnya: *Telah aku tinggalkan kepada kamu semua dua perkara, jika kamu berpegang teguh kepada kedua-duanya kamu tidak akan sesat selama-lamanya iaitu Al-Quraan dan Sunnah Rasul.* (Hadith riwayat kebanyak Ahli Sunan).

Allah Subhanahu Wataala berfirman:

وَأَنْ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمٌ فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا السُّبُّلَ فَتَفَرَّقُ بَعْدَكُمْ عَنْ سَبِّيلِهِ

Maksudnya: *Dan sesungguhnya inilah jalanku (agamaku) yang lurus, maka hendaklah kamu ikutinya dan janganlah kamu mengikuti jalan-jalan lain, kelak akan memporak-purandakan kamu (menyesatkan kamu) dari jalanNya (Allah).* (Surah Al-An'am, Ayat 153).

Memandangkan Al-Quraan al-Karim merupakan satu *mu'jizat* yang nyata, yang paling banyak dibaca dan dihafaz sama ada sebahagian atau seluruhnya oleh jutaan umat Islam di seluruh dunia setiap hari, yang ketulianannya tidak diragukan kerana telah dijamin oleh Allah seperti adanya keraguan kepada kitab-kitab yang lain ciptaan manusia, yang cabaran-cabaran Allah kepada jin dan manusia untuk mencipta al-Quraan yang lain sepertinya tidak pernah mendapat jawapan, yang kebenarannya sekarang diakui walaupun melalui ujian dan kajian saintifik, maka atas hujah-hujah tersebut tidak perlu lagi wujud sebarang kesangsian. Kitab yang tiada keraguan padanya dan suci inilah yang mengisyiharkan pengiktirafan Allah terhadap agama Islam, firmanNya:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ إِلَّا إِسْلَامٌ

Maksudnya: *Sesungguhnya Al-Din (agama yang benar) di sisi Allah hanyalah agama Islam. (Surah Ali-Imran, Ayat 19).*

Dan Allah Taala telah memberi amaran dalam firmanNya:

وَمَنْ يَتَنَعَّمْ بِغَيْرِ إِلَّا سَلَامٌ دِيْنًا فَلَنْ يَقْبُلْ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ

Maksudnya: *Dan sesiapa yang berpegang kepada mana-mana agama selain Islam, maka tiadalah akan diterima (oleh Allah) dan dia pada hari akhirat akan termasuk dalam golongan orang yang rugi. (Surah Ali-Imran, Ayat 85).*

Dalam hal ini, sungguhpun agama lain itu salah dan tidak diterima oleh Allah tetapi kita dilarang mencaci atau menghina agama-agama lain itu supaya kehidupan harmoni antara penduduk yang mempunyai berbilang bangsa dan agama dapat diwujudkan. Kerana itu Allah berfirman:

قُلْ يَا أَيُّهَا الْكَافِرُونَ لَا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ وَلَا  
أَنَا عَابِدٌ مَا عَبَدْتُمْ وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ لَكُمْ دِيْنُكُمْ وَلِيَ دِيْنِي

Maksudnya: *Katakanlah (Wahai Muhammad): hai! Orang-orang kafir. Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu tidak mahu menyembah (Allah) yang aku sembah. Dan aku*

*tidak akan beribadat secara kamu beribadat, dan kamu pula tidak  
mahu beribadat secara aku beribadat. Bagi kamu agama kamu  
dan bagiku agamaku. (Surah Al-Kafirun, Ayat 1-6).*

## 6. ISLAM DALAM PERLEMBAGAAN

Berdasarkan dalil-dalil di atas, adalah tepat para penggubal *Perlembagaan Negeri Brunei, 1959* memberikan peruntukan agama Islam sebagai gama rasmi negara iaitu:

*3.(1) Agama rasmi bagi negeri ini adalah agama Islam menurut Ahlis-Sunnah Waljamaah tetapi agama-agama yang lain boleh diamalkan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang mengamalkannya. (Perlembagaan Negeri Brunei, 1959, hlm. 65).*

Peruntukan bahawa “*agama yang lain boleh diamalkan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang mengamalkannya*” menunjukkan bahawa sistem perundangan Brunei tidak menyekat penganut-penganut agama lain untuk meunaikan dan mengamalkan ajaran agama mereka. Tetapi perlu diingat di sini bahawa kebebasan yang diberikan oleh undang-undang dengan terang hanya setakat “*mengamalkannya*” dan tidak disebut “*mengembangkan atau menyebarkannya*”. Ini sesuai dengan sejarah perkembangan Islam di al-Madinah al-Munawwarah di mana Rasulullah sallallahu alaihi wasallam tidak menghalang penganut-penganut agama lain dari penduduk al-Madinah al-Munawwarah untuk mengamalkan agama mereka.

Walaupun soal mengembangkan dan menyebarkan tidak disebutkan dalam peruntukan di atas yang bermakna peruntukan itu masih samar-samar. Namun berdasarkan negara ini sebuah negara Islam yang menjadikan Islam sebagai agama rasminya, mempunyai raja Islam dan diperintah oleh orang-orang Islam, maka membenarkan ajaran agama lain berkembang samalah juga maknanya membenarkan kekufuran dan syirik berkembang dalam masyarakat dan negara Islam. Mbenarkan suatu yang *kufur* dan *syirik* akan menyebabkan pula pihak yang bekuasa terlibat sama dalam kufur dan syirik itu yang hukumnya haram dan berdosa (Pehin Dato Haji Abdul Aziz Juned, 1987 : 34).. Ini berlainan dengan kebenaran yang diberikan kepada penganut agama lain, hanya setakat mereka yang mengamalkan sahaja. Di sinilah kelihatan cantik dan bijaksananya penggubal Perlembagaan Negeri Brunei, 1959.

Islam di Brunei menjadi perkasa lagi apabila Perlembagaan menyebut aliran yang terpakai di Brunei ialah *aliran Ahlis-Sunnah Wal Jamaah* dan mazhab yang berpengaruh ialah *mazhab Syafi'i* (Undang-Undang Agama dan Mahkamah Kadhi, 1955 : 17). Kesannya hingga sekarang telah terbukti dapat mengukuhkan aqidah umat Islam di Brunei, dapat mewujudkan perpaduan, persefahaman dan mengelakkan perterlingkahan sesama sendiri yang membawa kepada perpecahan umat dan dapat menghalang ajaran sesat serta menyeleweng dari menyusup ke dalam masyarakat Islam di Brunei. Inilah salah satu kejayaan besar Perlembagaan tersebut.

Peruntukan seperti ini tidak seharusnya dipinda oleh generasi kita yang akan datang kecuali jika pindaan tersebut dapat mengukuhkan lagi kedudukan Islam dalam Perlembagaan dan bukan sebaliknya, kerana Perlembagaan merupakan *tiang pasak* atau pun *tiang seri* dan benteng yang paling kuat bagi sebuah negara dan bangsa.

## 7. MATLAMAT MEMPERKASA

Satu soalan yang patut mendapat perhatian dalam seminar ini ialah apakah sebenarnya tujuan tertinggi kita hendak memperkasakan segala bidang kehidupan seperti memperkasakan bidang ekonomi, bidang ketenteraan, bidang pendidikan, bidang pentadbiran, bidang perubatan dan sebagainya lagi itu. Adakah kerana kita ingin bersaing dengan bangsa-bangsa lain?, adakah kerana kemasyhoran?, adakah supaya orang lain memandang kita hebat?, atau adakah kerana kita ingin lebih kaya?, dan macam-macam lagi. Kalau jawapan sedemikian wujud dalam kepala kita saya kira kita belum menjawab dengan tepat. Saya kira jawapan yang tepat ialah kerana kita perlu *menjaga agama Allah*. Untuk menjaga agama Allah itu supaya sentiasa tinggi sebagaimana sabda Rasulullah sallallahu alaihi wasallam:

الإسلام يعلو ولا يعلى عليه

Maksudnya: *Agama Islam itu tinggi dan tiadalah yang lebih tinggi daripadanya*.

.....dan untuk menyediakan suasana yang *kondusif* bagi orang-orang Islam dapat menjalankan kewajipan mereka sebagai "Abdun" (*hamba Allah*), maka kita perlu memperkuatkan dan memperkasakan segala *infrastruktur* yang boleh menjamin kearah itu. Ini kerana tugas kita yang utama dalam hidup ini ialah *menyembah Allah*. Bagaimana kita akan

menyembah Allah kalau negara kita dengan mudah dijajah dan orang-orang Islam ditindas. Bagaimana kita akan menyembah Allah kalau ekonomi kita lemah dan dipegang oleh golongan lain sehingga untuk membina masjid, membina sekolah-sekolah agama dan syiar-syiar Islam yang lain kita tidak mampu. Bagaimana kita akan menyembah Allah kalau dalam negara kita banyak orang sakit kerana doktor tidak cukup atau hospital tidak cukup. Jadinya semua itu perlu diperkasakan dari semasa ke semasa supaya kita dapat memenuhi matlamat Allah menciptakan kita iaitu untuk menyembahNya dengan melakukan ibadah sama ada *ibadah khususiyah* seperti sembahyang dan puasa atau pun *ibadah umumiyyah* seperti menangani keperluan-keperluan umum yang disebutkan di atas. Allah Taala berfirman:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّةِ وَالْإِنْسَانَ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ

Maksudnya: *Dan aku tidak menjadikan jin dan manusia melainkan untuk menyembahku. (Surah Al-Zariat, Ayat 56)*

Dan firman Allah lagi:

إِنْ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايِ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

Maksudnya: *Bahwasanya sembahyangku, ibadahku, hidupku dan matiku semata-mata kerana Tuhan Rabbul-Alamin. (Surah Al-Anfal, Ayat 162).*

Inilah matlamat hidup kita yang sebenar-benarnya, bukan untuk bersuka-suka yang melampau, bukan untuk mencari nama dan bukan untuk *glomour*, maka salah satu mekanisme untuk memperkasakan agama Allah ini ialah melalui “*Rijal al-Daulah*” iaitu orang-orang yang berkuasa dalam pentadbiran kerajaan. Ini sudah pun di atur di dalam Perlembagaan kita dengan begitu baik, misalnya *Ketua Agama* adalah *Sultan*. Orang-orang penting yang bertanggungjawab dalam urusan pentadbiran hendaklah beragama Islam dan menganuti faham Ahlis-Sunnah Wal Jamaah. Institusi-institusi agama di peringkat tertinggi seperti *Majlis Agama Islam* dan *Kementerian Hal Ehwal Ugama* berperanan besar untuk mengawal perjalanan agama Islam di negara ini.

Prihatin yang begitu besar dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia terhadap kepesatan dan kestabilan masa depan Islam di negara ini diluahkan oleh baginda dalam titah baginda sempena menyambut Hari

Ulang Tahun Kebangsaan Kali ke-21 yang disiarkan oleh Radio dan Talivisyen Brunei, dan disiarkan oleh akhbar Pelita Brunei. Antara lain baginda mengingatkan:

*“Sebagaimana juga kita mempersiap dan menyediakan infrastruktur asas untuk kehidupan seperti perumahan, jalan raya, elektrik, air, bangunan-bangunan dan seumpamanya, maka begitulah pula halnya dengan jiwa, semangat dan pemikiran adalah memerlukan terbiyyah langsung oleh negara. Maka untuk itu bidang pendidikan dan dakwah adalah memainkan peranan yang utama. Sebab itulah jentera pendidikan dan dakwah itu tidak boleh lemah sama sekali.*

*Pendidikan pada khususnya, mestilah jelas, bahawa keperluan umum tidak akan mengatasi keperluan agama. Dalam makna, pendidikan agama juga hendaklah sama-sama diutamakan. Di peringkat asas, pendidikan agama hendaklah sempurna, sementara di peringkat tinggi pula pendidikan hendaklah mampu melahirkan ulama dan cendekiawan yang berwibawa. Jangan sama sekali kurang atau dikurangkan. Kerana berdasarkan fakta sejarah di mana-mana sahaja, jika pendidikan agama lemah, maka akan lemahlah pula bangsa”*(Pelita Brunei, 23 Februari, 2005 : 2).

## 8. PENDIDIKAN AGAMA

Dalam titah ini ada dua bidang penting yang ditonjolkan oleh baginda iaitu *bidang dakwah* dan *bidang pendidikan*. Kedua-duanya sama penting dalam memperkasakan bangsa dan kedua-duanya tidak boleh lemah sama sekali. Seterusnya baginda menekankan pula peri mustahaknya *pendidikan agama* baik di peringkat asas mahupun di peringkat tinggi. Di peringkat asas, pendidikan agama itu mestilah *sempurna*. Sempurna di sini bagi fahaman saya ialah sempurna dari segi kurikulumnya, sempurna dari segi cara pengajaran dan pembelajarannya, sempurna dari segi penghayatannya, sempurna dari segi roh dan penjiwaannya. Secara umumnya bermaksud, sempurna dari segi *kualiti* dan *kuantiti* dalam erti kata bermutu dan dapat diikuti oleh semua individu warga muda di negara kita. Titah tersebut juga menegaskan supaya pendidikan agama itu *jangan sama sekali kurang atau dikurangkan*.

Ini merupakan satu peringatan awal dan menunjukkan minat yang amat mendalam dari Raja kita sekaligus Ketua Agama yang ingin melihat pendidikan agama di negara ini berjalan dengan sempurna. Ayat: *Jangan*

*sama sekali kurang atau dikurangkan* bagi saya cukup berat untuk di tanai yang mana untuk membuktikannya tentulah tidak cukup hanya dilihat dengan mata kasar, tetapi memerlukan pemantauan, penelitian, pembaikan, penilaian dan dijalankan kajian dari semasa ke semasa. Khasnya dalam keadaan di mana kita sekarang baru diperkenalkan dengan *Sistem Pendidikan Bersepadu*. Sebagai suatu perkara yang baharu kita belum dapat menjangkakan dengan tepat sejauh mana kesan-kesannya ke atas anak bangsa kita. Tentunya ia memerlukan masa untuk menenerapkannya dengan mesra dan mantap. Apakah sukat-sukatnya? Bagi saya sukat-sukatnya ialah pendidikan agama yang sudah berjalan sejak tahun 1957 di negara kita ini iaitu lebih dari 40 tahun yang lalu sehingga lahirnya *Sistem Pendidikan Bersepadu*. Harapan kita semua ialah Sistem Pendidikan Bersepadu ini akan lebih baik dan lebih bermutu, Insya Allah.

Seterusnya baginda menginginkan supaya pendidikan agama di *peringkat tinggi* akan mampu melahirkan ulama-ulama dan cendekiawan yang berwibawa. Ini lagi satu harapan yang tinggi yang wajar semua pihak dalam negara kita mendukung hasrat ini. Sejarah telah membuktikan bahawa kecemerlangan Islam di negara kita telah diasaskan oleh seorang ulama yang akhirnya menjadi seorang raja iaitu Sultan Syarif Ali (1425-1432) Sultan Brunei yang ke-tiga. Sejarah juga telah membuktikan bahawa raja-raja kita dari dahulu hingga sekarang sangat sukakan para ulama tempatan yang telah berperanan dalam pentadbiran kerajaan di zaman tradisional hingga ke zaman moden ini. Dan kalau kita lihat sekarang pun lulusan berpendidikan agama telah sama-sama turut berperanan menjalankan jentera kerajaan dalam berbagai sektor seperti pentadbiran, diplomatik, pendidikan, kehakiman dan keagamaan yang sesetengahnya mereka itu bertaraf ulama berwibawa. Persoalannya ialah mereka itu adalah produk yang mendapat pendidikan dari pusat-pusat pengajian tinggi Islam yang terkenal di luar negara seperti Universiti Al-Azhar . Sungguhpun begitu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa peka kearah meninggikan tahap pengajian tinggi Islam sehingga tertubuhnya Institut Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama pada tahun 1989, dan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Brunei Darussalam pada tahun 1993, yang kemudian pada tahun 1999 kedua-duanya dicantumkan dan dikenali sebagai Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddien, Universiti Brunei Darussalam yang telah berupaya mengeluarkan ijazah tinggi. Saya percaya, berdasarkan objektif penubuhannya, Institut ini berpotensi untuk cemerlang, kerana itu usaha-usaha adalah perlu lagi dipergiat supaya institut pengajian tinggi Islam yang tunggal ini akan dapat melahirkan ulama-ulama dan cendekiawan Islam yang berwibawa di masa hadapan yang akan bakal

mempertahankan ajaran Islam berlandaskan Aqidah Ahlis-Sunnah Wal Jamaah dan mazhab Syafi'i. Tugas memperkasakan ini selain terpikul ke atas bahu institut tersebut, tentulah juga memerlukan sokongan dan dokongan dari semua pihak yang cintakan Brunei Darussalam sebuah negara Kesultanan Melayu Islam yang diwarisi zaman demi zaman.

## 9. KESIMPULAN

Berdasarkan hujah-hujah dalam kertas ini, saya sukacita ingin menarik perhatian kepada beberapa perkara dan mencadangkannya supaya dapat dimasukkan di dalam resolusi seminar ini iaitu seperti berikut:

1. Menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang ke-21 pada 23 Februari, 2005, seperti yang tersiar dalam Radio dan Talivisyen Brunei dan akhbar Pelita Brunei bertarikh 23 Februari, 2005 berbunyi:

*"Sebagaimana juga kita mempersiap dan menyediakan infrastruktur asas untuk kehidupan seperti perumahan, jalan raya, elektrik, air, bangunan-bangunan dan seumpamanya, maka begitulah pula halnya dengan jiwa, semangat dan pemikiran adalah memerlukan terbiyyah langsung oleh negara. Maka untuk itu bidang pendidikan dan dakwah adalah memainkan peranan yang utama. Sebab itulah jentera pendidikan dan dakwah itu tidak boleh lemah sama sekali.*

*Pendidikan pada khususnya, mestilah jelas, bahawa keperluan umum tidak akan mengatasi keperluan agama. Dalam makna, pendidikan agama juga hendaklah sama-sama diutamakan. Di peringkat asas, pendidikan agama hendaklah sempurna, sementara di peringkat tinggi pula pendidikan hendaklah mampu melahirkan ulama dan cendekiawan yang berwibawa. Jangan sama sekali kurang atau dikurangkan. Kerana berdasarkan fakta sejarah di mana-mana sahaja, jika pendidikan agama lemah, maka akan lemahlah pula bangsa".*

2. Bersepudu dan bertolong bantu dalam usaha untuk memperkasa bangsa dalam segala lapangan kehidupan, sangat digalakkan oleh Islam selama mana ia berunsur kebajikan dan tidak berunsur maksiat.

3. Apa jua usaha pembangunan dari segi mental atau fizikal kearah memperkasa bangsa hendaklah mengambil kira pandangan Islam dan tidak mengketepikannya.
4. Dalam usaha memperkasa bangsa hendaklah mengambil kira hasrat yang tersurat dan tersirat dalam falsafah negara Melayu Islam Beraja dengan memberi penekanan kepada bidang pertahanan dan keselamatan negara, bidang pendidikan umum dan pendidikan agama, bidang dakwah, bidang perekonomian orang Melayu dan seumpamanya.
5. Menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Kesultanan Melayu Islam yang unggul di rantau ini dengan.

SEKIAN.

## **RUJUKAN:**

**Al-Quraan al-Karim**

**Al-Ahadith al-Nabawiyyah**

**Perlembagaan Negeri Brunei, 1959.**

**Undang-Undang Agama dan Mahkamah Kadhi, 1955.**

**Al-Imam Abi Zakariyya Yahya bin Syaraf al-Nawawi al-Dimsyaki,  
Riadh al-Salihin**, Beirut: Muassasah al-Risalah, 1986M/1406H.

**Teuku Iskandar, Kamus Dewan**, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984.

Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Abdul Aziz bin Juned, "Kedudukan Agama Islam Dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam", dlm. **Majalah Beriga**, Bil. 6., Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.

**Pelita Brunei**, Brunei: Jabatan Penerangan, 23 Februari, 2005.

**Sheikh Abdullah Basmeih, Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quraan**, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1980.

**Pg. Dr. Haji Mohammad b. Pg. Haji Abd. Rahman, Islam Di Brunei Darussalam**, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001.

**Pg. Haji Mohammad bin Pg. Haji Abd. Rahman, Kemasukan dan Perkembangan Islam di Borneo British Dengan Tumpuan Khas Ke Atas Brunei Darussalam (Abad 13 – 20 Masihi)**, Tesis Ph.D., Universiti Malaya, 1992.

**Mustafa Abd. Rahman, Hadith Empah Puluh**, Pulau Pinang: Maktabah Al-Haji Abdullah bin Muhammad Nuruddin al-Rawi, 1966.

**Dr. Haron Din dan kawan-kawan, Manusia dan Islam, Jilid 3**, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.